

**Presiden Singapura S.R. Nathan Akhiri Tempoh Jawatan
Bernama
31 Ogos 2011**

SINGAPURA, 31 Ogos (Bernama) -- Presiden Singapura yang paling lama berkhidmat, Sellapan Ramanathan, bertugas buat kali terakhir hari Rabu selepas 12 tahun memegang jawatan itu.

Beliau yang lebih dikenali sebagai S.R. Nathan, 87, mengangkat sumpah jawatan sebagai Presiden Singapura yang keenam pada 1 Sept, 1999 apabila memenangi jawatan itu tanpa bertanding.

Beliau tidak dicabar dalam pilihan raya presiden republik itu pada tahun 2005 dan mengumumkan tidak bertanding pada pilihan raya baru-baru ini.

Beliau dijadual menyerahkan tugas kepada Dr Tony Tan Keng Yam, yang memenangi pilihan raya presiden Sabtu lepas, di Istana esok.

Sepanjang perkhidmatannya, Nathan dikenali sebagai presiden yang menekankan sifat penyayang di kalangan masyarakat republik ini.

Nathan berkata pencapaian terbesar beliau selaku presiden ialah kejayaannya menyatukan masyarakat Singapura yang berbilang kaum.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=611108>